
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JTW 402 – Pengurusan Strategik

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas di dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

Calon dikehendaki menjawab TIGA (3) soalan sahaja, sekurang-kurangnya SATU (1) soalan dari setiap Bahagian.

Tuliskan angka giliran anda di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan akan dinilai berasaskan 100 markah.

BAHAGIAN A (Teori dan Konsep)

1. Terdapat empat langkah asas didalam menilai sumber-sumber firma bagi menentukan kemampuannya untuk bersaing, iaitu sejauhmana keberkesanan strategi semasa, apakah kekuatannya yang tersendiri, sejauhmana kesan rantaian untuk terus bersaing dan posisinya dalam dunia persaingan. Huraikan tindakan-tindakan Pengurusan Strategik yang perlu diambil bagi **setiap satu** langkah tersebut.

(100 markah)

2. Firma seharusnya dapat menyesuaikan strateginya mengikut situasi, kerana setiap situasi mempunyai ciri-ciri yang berbeza. Huraikan secara ringkas **satu** daripada situasi berkenaan yang wujud dalam Analisis Keluk "S" bagi menunjukkan bagaimana sesebuah firma perniagaan memadankan strategi korporat, dengan memberi fokus kepada ciri dan strategi alternatif yang boleh dipertimbangkan, serta huraikan 10 langkah berhemat (*The 10 Commandments*) yang wajar diberi perhatian oleh pengurus dalam memadankan strategi dengan situasi yang berbeza.

(100 markah)

3. Organisasi yang berkemampuan melaksanakan Pengurusan Strategik perlu terlebih dahulu membangunkan sistem sokongan untuknya. Bincangkan **DUA (2)** daripada sistem-sistem sokongan tersebut serta huraikan aspek-aspek kritikal di dalam menggerakkan komitmen organisasi untuk melaksana dan menilai strategi secara berkesan.

(100 markah)

BAHAGIAN B (Kajian Kes)

4. Menurut Jurgen Schrempp, penggabungan dua gergasi pembuat kenderaan di Eropah dan Amerika Utara iaitu Daimler dan Chrysler (sila rujuk kes "*The DaimlerChrysler Merger (B): Shaping a Transatlantic Company*" yang terdapat dalam Thompson dan Strickland), telah menjadi satu model ikutan seluruh dunia perniagaan setelah dijulang sebagai syarikat yang paling dihormati di Eropah oleh akhbar *Financial Times*. Bincangkan rasional penggabungan dua buah syarikat tersebut, masing-masing dengan jenama yang telahpun terkenal, sebagai suatu sinergi bisnes jangka panjang.

(100 markah)

...3/-

5. Sila nasihatkan Jerry Yu (dengan merujuk kepada kes "*The Chinese Firework Industry*" yang terdapat didalam Thompson dan Strickland), sama ada beliau wajar untuk membuat pelaburan dalam industri berkenaan. Gunakan kerangka analisis industri didalam mengemukakan perakuan anda.

(100 markah)

6. Strategi Kepelbagaian atau Diversifikasi tidak semestinya opsyen yang terbaik untuk firma *SBU (Single Business Unit)* yang telah terbukti berjaya dalam perniagaan semasa. Contohnya kes "*The Black & Decker Corporation in 2000*" seperti yang terdapat didalam Thompson dan Strickland. Huraikan pengalaman Black & Decker untuk dijadikan panduan oleh firma-firma dalam kategori yang sama yang terdapat di Malaysia.

(100 markah)